

**YTL Power tarik diri daripada projek janakuasa kontroversi
Malaysian Insider
Jun 18, 2014**

YTL Power International Bhd memutuskan untuk tidak terlibat dalam projek kontroversi janakuasa Track 4A di Johor dan berkata langkah itu bertujuan mengelak kesangsian terhadap komitmen ketelusan dan urus tadbir Putrajaya.

Bagaimanapun, pengeluar janakuasa bebas pertama negara itu berkata, sedia mengambil bahagian dalam projek tetapi meletakkan syarat kompetitif jika Putrajaya mahu meneruskan projek kitaran gas gabungan 1,000 -1,400 megawatt di Johor itu.

"Kami berterima kasih kepada kerajaan kerana mempunyai keyakinan ke atas YTL Power sebagai sebahagian daripada konsortium untuk melengkapkan projek dengan pantas.

"Namun, ekoran tanggapan salah ke atas projek itu, YTL Power memutuskan untuk tidak serta dalam projek tersebut seperti yang dirancang untuk mengelak kesangsian terhadap komitmen ketelusan dan urus tadbir kerajaan," kata YTL Power dalam satu kenyataan, hari ini.

Semalam, The Malaysian Insider melaporkan YTL Power akan mengadakan pertemuan untuk membincangkan mengenai status penyertaan di bawah konsortium yang turut disertai SIPP Energy Sdn Bhd yang dikaitkan dengan Sultan Johor dan Tenaga Nasional Bhd, pengeluar elektrik negara.

YTL berkata, dalam surat anugerah yang diberikan oleh Suruhanjaya Tenaga bertarikh 27 Mei dihantar kepada SIPP Energy menyebut mengenai penyertaan YTL Power dan TNB sebagai ahli projek tersebut.

"Suruhanjaya Tenaga sentiasa telus terhadap syarat dalam surat anugerah yang diumumkan mereka. Tidak mengenyepikan penjelasan Suruhanjaya Tenaga, bagaimanapun kebelakangan ini wujud salah faham dan orang ramai mempertikaikan mengenai cara projek itu diberikan," kata YTL Power.

YTL berkata, pihaknya sedia untuk turut serta dalam projek lain dengan syarat ia mesti diperoleh secara kompetitif dan sedia melaksanakannya mengikut tempoh yang ditetapkan.

"Kami yakin mampu untuk menawarkan kadar kompetitif seperti yang ditunjukkan dalam amalan tender yang dimerterai baru-baru ini.

"YTL Power kekal komited melabur dalam negara ini dibawah kepimpinan kerajaan sedia ada dan menyokong usaha Program Transformasi Ekonomi Kerajaan," kata YTL Power. – 18 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ytl-power-tarik-diri-daripada-projek-janakuasa-kontroversi>